

Lawatan Sambil Belajar Pegawai-pegawai Kanan Dari Biro Audit Amman, Jordon

Jabatan Audit Negara telah menerima lawatan sambil belajar delegasi dari Biro Audit Amman, Jordon pada 21 hingga 24 November 2011. Delegasi ini diketuai oleh Encik Ahmad Swaiss, Encik Isa Alghunaimt, Puan Shereen Al-Qawabah dan Puan Diana Tashman.

Lawatan ini bertujuan untuk mempelajari kaedah pengauditan prestasi, penyediaan dan susulan terhadap laporan audit serta impak kewangan terhadap laporan audit melalui taklimat-taklimat yang telah disampaikan oleh pegawai-pegawai audit yang berpengalaman. Delegasi tersebut juga berkongsi pengetahuan serta pengalaman berkenaan kaedah pengauditan di Biro Audit Amman semasa sesi perbincangan. Lawatan ini juga dapat mengeratkan lagi hubungan kerjasama Institusi Audit antara Jabatan Audit Negara dan Biro Audit Amman, Jordon.

Delegasi juga diraikan oleh Timbalan Ketua Audit Negara, wakil Ketua Audit Negara Malaysia dan pegawai-pegawai kanan untuk jamuan makan tengah hari di Pullman Lakeside Hotel Putrajaya. Berbagai aktiviti lawatan telah diatur seperti lawatan ke Tugu Negara, Pasar Seni dan sekitar Bandaraya Kuala Lumpur serta Putrajaya dan lawatan ke Akademi Audit Negara (AAN).



Sesi bergambar delegasi dari Biro Audit Amman, Jordon bersama YBhg. Dato' Mustafa Bin Hj. Saman, Timbalan Ketua Audit Negara (Negeri) dan Dr. Masiah Binti Ahmad, Timbalan Pengarah (Bahagian Penyelidikan).